

# Parti politik tiada niat jadi hakim: Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, parti politik tidak berniat menjadi hakim apabila bertindak terhadap ahlinya yang terdedah kepada pelbagai tohmahan.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, sesuatu langkah yang diambil terhadap ahlinya dibuat mengikut prinsip undang-undang tubuh parti itu serta mengambil kira pandangan ahli.

Beliau yang juga Presiden Umno berkata, seseorang yang membawa masalah kepada parti kerana mendedahkan dirinya kepada pelbagai tuduhan, sudah dianggap melakukan kesalahan oleh parti politik.

"Oleh itu, pada pandangan saya, orang politik mesti lebih putih daripada putih. Walaupun seseorang pemimpin rasa tidak bersalah, dakwaan orang lain boleh dianggap suatu tuduhan.

"Tuduhan yang tidak benar sekalipun boleh burukkan imej parti. Ini adalah salah bagi parti dan parti boleh buat hukuman atas unsur itu. Sebagai contoh, kita pakai kereta, jangan pakai cermin gelap sebab orang tak tahu apa yang kita buat.

"Walaupun anak atau isteri kita di dalamnya, kita mudah dituduh. Sebagai *public figure*, lebih baik kita bersikap terbuka dan menjauhi perkara yang tidak baik," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menjawab soalan dalam sesi dialog dengan peserta Seminar Undang-Undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah di Institut Kefahaman Islam (Ikim), di sini, hari ini.

Sebelum itu, bekas Pengerah Eksekutif Muzeum Melaka, Prof Datuk Nik Abdul Rashid Majid bertanya kepada Perdana Menteri sama ada kerajaan bercadang me-

nyekat kewujudan mahkamah akhbar dan mahkamah parti yang menurutnya mengapi-apikan sesuatu isu sebelum siasatan polis selesai.

Dalam hubungan ini, Dr Mahathir bersetuju dengan Nik Rashid bahawa akhbar tidak seharusnya sebagai mahkamah dengan melaporkan pelbagai perkara mengenai sesuatu kes sehingga mempengaruhi masyarakat.

"Mereka ulang dan ulang sesuatu kes sehingga kita kata orang ini salah atau tidak salah.

"Keadilan jadi perkara kecil, yang penting kita boleh jual akhbar. Apabila ini diutamakan, sudah tentu mereka yang jadi mangsa akan menghadapi masalah dan tekanan," katanya.

Kepada soalan peserta lain, Perdana Menteri mahu undang-undang lupuk dalam sistem perundangan negara dikaji semula bagi membolehkan semua lapisan masyarakat menikmati keadilan.

Sebagai contoh, katanya, kebanyakan hukuman denda tidak mengambil kira latar belakang seseorang, sebaliknya pesalah dikenakan bayaran yang sama walaupun seorang jutawan.

"Baru-baru ini, saya bertemu seorang rakan di Singapura. Dia ada kereta sport tapi malangnya di Singapura jalannya pendek. Jadi dia memandu di lebuh raya kita sepanjang 750 kilometer.

"Tujuannya untuk keseronokan, dia bawa laju dan disaman serta tidak kisah asalkan dia berpuas hati. Bagi saya, ini adalah antara contoh ketidakadilan undang-undang yang harus dikaji semula," katanya.

Menurut Perdana Menteri, keadilan juga tidak wujud dalam pelaksanaan hukum hudud jika ia menyebabkan hanya orang Islam menerima hukuman, manakala bukannya Islam mudah terlepas.